

ANUGERAH SKUAD UMCARES 2021/2022

UMCARES SQUAD AWARD 2021/2022

1. Pengenalan Anugerah

Anugerah Skuad UMCares adalah anugerah penghargaan kepada pelajar-pelajar Universiti Malaya dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan di Universiti Malaya. Anugerah ini merupakan anugerah tahunan yang akan dilancarkan pada setiap sesi. Anugerah ini mendukung kepada *Sustainable Development Goals* – SDG.

2. Penganjur

- Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares)

3. Peringkat

- Pertandingan ini adalah peringkat universiti.
- Pemenang berpeluang untuk mewakili Universiti Malaya dalam mana-mana pertandingan yang berkaitan dengan jalinan masyarakat.

4. Tema

- *Empowering Community, Mobilizing Sustainability Commitment*

5. Kriteria Anugerah UMCares

- Kriteria pemarkahan seperti di bawah:

Kriteria	Justifikasi	Pemberat
Hasil projek (Output & Outcome Projek)	Projek mampu membuat perubahan besar kepada komuniti yang disasarkan. Semua output perlu direkodkan dan diukur. Contoh borang kaji selidik, temuramah komuniti dan lain-lain lagi)	20%
Bilangan Penerima Manfaat	Jumlah penerima manfaat bagi projek yang telah dijalankan.	15%
Ringkasan Projek	Ringkasan projek yang telah dijalankan tidak melebihi 500 patah perkataan. Maklumat yang perlu ada adalah seperti berikut. <ul style="list-style-type: none">• Pemasalahan yang di hadapi oleh komuniti• Aktiviti yang telah dijalankan bagi mencecaikan masalah yang dihadapi oleh komuniti• Maklumbalas komuniti terhadap projek yang dijalankan.• Perkongsian pengalaman dan kesimpulan projek	15%
Pemangtaruh (Stakeholder) dan penajaan (Sponsorship)	Pihak/organisasi/industri lain yang telah berkolaborasi dan tajaan bagi projek yang telah dijalankan. <i>*Boleh menjadi lebih daripada satu pemegang kepentingan</i>	10%
Kemampuan	Projek ini dapat dijalankan oleh komuniti tanpa bantuan daripada pelajar Universiti Malaya	10%
Video	Video berdurasi selama 3 minit berkaitan dengan perjalanan projek.	10%

Keterlihatan / publisiti	Mempromosi projek melalui media massa atau media elektronik <i>*Setiap post di sosial media mesti tag atau mention UMCares</i>	10%
Kolaborasi bersama UMCares	Menjalankan #PODCares bersama UMCares	5%
Bengkel UMCares	Menghadiri bengkel yang akan dijalankan oleh UMCares	5%
Jumlah		100%

6. Syarat-syarat Anugerah

- Terbuka kepada semua Skuad UMCares di Kolej Kediaman
- Satu permohonan bagi setiap skuad UMCares untuk mewakili kolej kediaman
- Setiap permohonan perlu mengisi borang yang telah disediakan.
- Projek mesti dijalankan pada SEMESTER 2 pada sesi 2021/2022.
- Setiap projek yang telah didaftarkan hendaklah di bentangkan kepada panel UMCares. Maklumat mengenai pembentangan akan diberitahu kelak.
- Setiap projek perlu menghantar laporan projek kepada pihak UMCares pada tarikh yang telah ditetapkan.

7. Tarikh-tarikh Penting

- Berikut adalah tarikh-tarikh penting

Perkara	Tarikh
Pembukaan Anugerah UMCares	14.3.2022
Tarikh tutup Anugerah UMCares	28.3.2022
Bengkel UMCares	23.4.2022
Aktiviti kolaborasi bersama UMCares	4.4.2022 – 26.6.2022
Pembentangan laporan projek	27.6.2022
Majlis Penyampaian Anugerah UMCares	19.7.2022

8. Hadiah

- **Anugerah Emas:**
 - i. Wang tunai sebanyak **RM 1000**, akan dipindahkan kepada akaun kolej kediaman
 - ii. Sijil digital kepada semua Skuad UMCares yang terlibat.
 - iii. Piala Pusingan
 - iv. Berpeluang untuk mewakili Universiti Malaya di dalam pertandingan yang berkaitan.
- **Anugerah Perak:**
 - i. Wang tunai sebanyak **RM 700**, akan dipindahkan kepada akaun kolej kediaman
 - ii. Sijil digital kepada semua Skuad UMCares yang terlibat
- **Anugerah Gangsa:**
 - i. Wang tunai sebanyak **RM 500**, akan dipindahkan kepada akaun kolej kediaman
 - ii. Sijil digital kepada semua Skuad UMCares yang terlibat